

# Bangunkan pusat sumber rosak

St  
6/3/2018  
97

Perpustakaan Tunku Tun Aminah hantar sukarelawan ke Kelantan, sediakan ruang selesa buat pelajar

**BATU PAHAT** - Perpustakaan Tunku Tun Aminah, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah membantu membangunkan semula pusat sumber Sekolah Kebangsaan (SK) Limau Kasturi 1, Gua Musang, Kelantan, pada 24 hingga 27 Februari lalu.

Pengarah program, Suhaimi Shukur berkata, misi khidmat komuniti itu disertai 30 kakitangan perpustakaan berkenaan dan turut disertai kakitangan Pusat Islam UTHM.

Katanya, misi berkenaan telah lama dirangka dan bertujuan membantu pelajar serta warga sekolah itu mempunyai perpustakaan selesa.

"Antara kerja dilakukan ialah membangun semula pu-

sat sumber baharu bagi menggantikan pusat sumber yang telah rosak akibat banjir.

"Kami juga memasang semua peralatan perpustakaan baharu yang kami bawa dari Perpustakaan Tunku Tun Aminah, UTHM serta beberapa bahan bacaan.

"Kami turut mencantikkan dan mengindahkan pusat sumber berkenaan dengan mengecat dan menghias keseluruhannya," katanya dalam satu kenyataan media.

Menurut Suhaimi yang juga pustakawan perpustakaan Tunku Tun Aminah, mereka turut mengadakan 'kenduri rakyat' dengan menyembelih seekor lembu dan bergotongroyong menjamu warga sekolah berkenaan, ibu bapa dan penduduk setempat.



**Antara kakitangan Perpustakaan Tunku Tun Aminah dan Pusat Islam UTHM yang menyertai misi berkenaan di SK Limau Kasturi 1, Gua Musang.**

Katanya, pelbagai pengalaman dan cabaran diharungi sepanjang misi berlangsung,

namun berjaya dilakukan kerana peserta tekad menyiapkan tugas dirancang.

"Antara cabaran yang perlu kami harungi ialah bekalan elektrik tidak menyeluruh,

bekalan air bersih terhad dan tempat penginapan serba kekurangan," katanya.